

## **IMAM AL-BUKHARI ULAMA YANG DISANJUNG SELEPAS KEMATIAN**

### **Pengenalan**

Setiap umat Islam ber`itiqad dengan penuh yakin bahawa hadith merupakan sumber hukum kedua selepas Al-Quran. Mengingkari atau meraguinya akan memberi kesan kepada aqidah seseorang. Jika seseorang menganalisa metodologi penulisan kitab-kitab hadith terdahulu, para sarjana hadith telah bersepakat bahawa kitab hadith yang paling tinggi nilainya sahihnya adalah *Sahih al-Bukhari*. Pada zaman kini, sekiranya seseorang menyebut bahawa “hadith ini diriwayatkan di dalam *Sahih al-Bukhari*” ianya menjadi indikator jelas bahawa penerimaan hadith berkenaan berada pada tahap yang tinggi tanpa perlu diragui autentikasi perniwayatannya.

*Al-Jami` al-Musnad al-Sahih al-Mukhtasar Min Umur Rasulullah saw wa Sunanahu wa Aiyyamih* atau lebih dikenali dengan nama “*Sahih al-Bukhari*” telah ditulis oleh seorang tokoh hadith yang bernama Muhammad Ibn Ismail Ibn Ibrahim al-Bukhari. Sememangnya nama Imam al-Bukhari tidak asing dalam dimensi akademik, beliau cukup terkenal dalam bidang hadith. Selain ketokohnya dalam ilmu hadith, beliau juga merupakan sarjana pada beberapa cabang ilmu yang lain seperti fiqh. Jika para pengkaji ilmu menghayati dengan penuh tekun kitab *Sahih al-Bukhari* maka dapat diketahui beliau mempunyai pandangan yang tersendiri dalam permasalahan fiqh.

Apabila pembaca sejarah menyoroti perjalanan kehidupan Imam al-Bukhari, akan diketahui perjuangan kehidupannya tidak semanis seperti mana yang disangka. Beliau terpaksa membayar dengan harga yang mahal dalam sebuah kehidupan demi mempertahankan prinsip agama. Justeru, kesan atas perjuangan yang dilalui olehnya dapat dirasai setelah kematiannya yang menatijahkan kitab *Sahih al-Bukhari* dipandang tinggi dalam deretan kitab hadith yang ada. Malahan namanya kini cukup harum dan disanjung tinggi sebagai seorang tokoh ulama yang hebat. Oleh yang demikian, penulisan pada kali ini akan cuba untuk menghayati pengorbanan yang dilalui oleh Imam al-Bukhari sehingga beliau pernah terpalit dengan fitnah yang besar ketika era pemerintahan kerajaan Bani Abbasiyyah.

### **Nama dan Kelahiran**

Namanya ialah Muhammad Ibn Ismail Ibn Ibrahim Ibn al-Mughirah Ibn Bardizbah Ibn al-Ahnaf al-Ju`fi al-Bukhari. Beliau lahir selepas solat Jumaat tanggal 13 Syawal pada tahun 194 Hijrah di Bukhara. Oleh itu, gelaran al-Bukhari pada namanya diambil daripada tempat kelahirannya sendiri di Bukhara, iaitu salah satu tempat di Uzbekistan. Imam al-Bukhari mempunyai seorang saudara yang bernama Ahmad. Menurut Abu al-Hasan Ibn al-Husain al-Bazzaz, secara fizikalnya al-Bukhari mempunyai sosok tubuh yang kurus dan mempunyai ketinggian yang sederhana.

Al-Mughirah Ibn Bardizbah merupakan moyang kepada al-Bukhari, telah memeluk Islam ditangan Yaman al-Ju`fi yang merupakan salah seorang pemerintah pada waktu tersebut. Yaman al-Ju`fi merupakan moyang kepada salah seorang tokoh hadith ketika zaman al-Bukhari, iaitu `Abd Allah Ibn Muhammad al-Musnadi al-Ju`fi.

Kecenderungan Imam al-Bukhari kepada ilmu hadith telah didorong oleh bapanya yang merupakan seorang tokoh yang disegani ketika zamannya. Namun begitu, ketika al-Bukhari masih lagi kecil bapanya telah meninggal dunia. Ketika kematian bapanya, ibu kepada Imam al-Bukhari masih lagi muda dan beliau memikul sepenuhnya tanggungjawab membesarkan anak-anaknya dengan memberi pendidikan yang sewajarnya.

## Cabaran Kehidupannya

Pada awalnya, hubungan antara Imam al-Bukhari dan gurunya, iaitu Muhammad ibn Yahya al-Dhuhli adalah sangat baik. Namun, disebabkan peristiwa *Khlaq Al-Quran* yang berlaku pada zaman tersebut telah menyebabkan terjadinya pergeseran antara kedua-duanya. Pergeseran berkenaan telah membawa kepada al-Dhuhli memulaukan Imam al-Bukhari disebabkan peristiwa ini.

Menurut sejarahnya, terdapat beberapa kisah yang menjadi punca tercetusnya perbalahan antara al-Bukhari dengan al-Dhuhli. Menurut riwayat daripada Al-Hakim Abu Abdullah, ketika al-Bukhari telah sampai ke Naisabur pada tahun 250 Hijrah, gurunya itu telah menyarankan kepada murid-muridnya yang mengikuti pengajian beliau untuk turut sama mengikuti pengajian daripada al-Bukhari, saranan berkenaan menyebabkan kelas pengajian al-Dhuhli menjadi kosong. Dikatakan mereka yang hadir kelas pengajian al-Bukhari sangat ramai sehingga menimbulkan rasa iri hati dan cemburu pada al-Bukhari.

Selain itu menurut riwayat daripada Hatim Ibn Ahmad, ketika al-Bukhari tiba di Naisabur al-Dhuhli telah menyarankan kepada para muridnya untuk mengikuti pengajian al-Bukhari. Seiring dengan itu, beliau menasihatkan agar tidak bertanyakan tentang permasalahan al-Quran itu makhluk ataupun tidak. Pada hari pertama dan kedua pengajiannya ianya berjalan agak harmoni, persoalan tentang kemakhlukan tidak dibangkitkan.

Walau bagaimanapun, pada hari ketiga telah bangkit salah seorang yang hadir bertanyakan kepadanya “adakah al-Quran ini makhluk atau sebaliknya”. Maka al-Bukhari telah berkata, “*al-Quran itu ialah kalam Allah, perkataan kita ialah makhluk, dan lafaz kita daripada perbuatan kita*”

Daripada jawapan tersebut, mereka yang mendengarnya beranggapan bahawa al-Bukhari menyatakan al-Quran itu ialah kalam Allah. Namun, ungkapan yang diberikan oleh al-Bukhari tidak bermaksud demikian, tetapi mereka tersalah faham terhadap ungkapan yang diberikan olehnya.

Selain itu menurut riwayat daripada Abu Ahmad bin `Addi, tokoh-tokoh agama yang berada di Naisabur merasa cemburu dan iri hati terhadap sambutan yang diberikan kepada al-Bukhari ketika beliau sampai di sana. Maka disebabkan itu, mereka meminta agar siapa yang ingin mengikuti pengajian al-Bukhari supaya bertanyakan tentang perihal lafaz al-Quran yang diperdebatkan.

Oleh itu, salah seorang daripada mereka telah bertanyakan tentang hal tersebut sebanyak tiga kali dan setelah diulang sebanyak tiga kali pertanyaan yang sama, al-Bukhari telah mengatakan

“*Al-Quran kalam Allah dan bukan makhluk, dan perbuatan hamba itu ialah makhuk*”

Daripada jawapan yang telah diberikan olehnya, mereka yang mendengar jawapan tersebut telah mendakwa bahawa al-Bukhari telah menyatakan bahawa al-Quran itu ialah makhluk. Justeru, murid-murid al-Bukhari telah bagun dan meninggalkan pengajian al-Bukhari, kesan daripada jawapan yang telah diberikan itu, al-Bukhari telah dituduh sebagai *bid`ah*.

Lantaran daripada itu, jawapan tersebut telah sampai kepada pengetahuan gurunya; al-Dhuhli. Justeru, beliau telah memberi ulasan yang keras kepada jawapan yang diberikan oleh al-Bukhari,

*“Al-Quran kalam Allah bukan makhluk dari segenap sudut, walaupun dirungkaikan, sesiapa yang menyakini bahawa lafaz pada al-Quran dan mendakwa al-Quran itu makhluk maka dia adalah kafir, dan terkeluar daripada iman, dan tertalak dia ke atas isterinya dengan talak ba’in, sekiranya tidak bertaubat, nescaya aku akan pukul tengkuknya, dan hartanya dijadikan harta al-fal’ kepada orang muslim, dan tidak akan dikebumikan di tanah perkuburan orang muslim, dan sesiapa yang mauqif sesungguhnya dia juga menyerupai orang kafir. Sesiapa yang mendakwa lafaz al-Quran itu makhluk maka dia ialah mubtadi’, jangan duduk dan bercakap dengannya. Sesiapa yang pergi berjumpa dengan Muhammad bin Ismail maka kecamlah dia. Jangan hadir ke majlis beliau melainkan dia juga berada di atas mazhab tersebut”*

Ulasan yang telah diberikan oleh al-Dhuhli ini menyebabkan al-Bukhari telah dipulaukan, justeru menyedari tentang keadaan dirinya al-Bukhari mengambil keputusan untuk mengasingkan diri dan keluar daripada Naisabur. Peristiwa ini telah memberi kesan yang mendalam kepada al-Bukhari, sehingga al-Bukhari tidak menyebut nama gurunya secara lengkap di dalam sahinya. Namun, beliau hanya meriwayatkan dengan menyebutkan,

*“telah diceritakan kepada aku Muhammad”*  
atau,  
*“telah diceritakan kepada aku ibn Khalid”*

Muhammad yang dimaksudkan ialah Muhammad Ibn Yahya al-Dhuhli dan Khalid itu ialah nama datuk kepada gurunya (Muhammad bin Yahya bin ’Abdullah bin Khalid al-Dhuhli). Rentetan daripada peristiwa ini juga, dapatilah al-Dhahabi telah meletakkan al-Bukhari dalam di *Kitab al-Du’afa’ wa al-Matrakin*.

Kesan daripada peristiwa ini juga, al-Dhuhli telah mengutuskan surat kepada Abu Zur`ah al-Razi dan Abu Hatim al-Razi yang merupakan tokoh besar dalam ilmu hadith. Kesan daripada pengutusan tersebut, kedua-dua mereka tidak menerima riwayat daripada al-Bukhari. Daripada peristiwa ini juga, Imam Muslim turut tidak meriwayatkan hadith daripada al-Bukhari dan juga al-Dhuhli dalam sahinya. Walaupun di dalam sejarahnya mendapati bahawa Imam Muslim ialah murid kepada al-Bukhari, kerana disebabkan peristiwa ini beliau tidak memasukan riwayat daripada kedua mereka dalam kitabnya.

### **Kewafatan Imam al-Bukhari**

Setelah sekian lama menabur budi pada agama dan memartabatkan hadith Nabi s.a.w, kehidupan al-Bukhari telah sampai kepada penghujungnya apabila beliau wafat pada tahun 256 hijrah iaitu pada malam sabtu selepas solat Isyak malam Aidilfitri. Kematiannya adalah disaat beliau berada di dalam buangan kerana dipulaukan oleh masyarakat tempat kelahirannya. Jenazahnya telah ditanam pada keesokan harinya selepas solat zohor di Samarqand, iaitu salah satu daerah Uzbekistan.

Disebabkan sumbangannya yang besar di dalam ilmu hadith secara khususnya, salah seorang muridnya yang juga penulis kepada al-Bukhari, iaitu Yahya Ibn Ja`far al-Baikundi, beliau telah berkata:

*“seandainya aku mampu untuk menambah umur Imam al-Bukhari dengan umurku, nescaya akan aku lakukan kerana kematianku adalah kematian seorang insan, tetapi kematian al-Bukhari bererti lenyaplah ilmu”*

## **Penutup**

Berdasarkan kepada kisah ini, dapat diketahui para ulama salaf yang terdahulu terpaksa berhadapan dengan segala *mihnah* yang besar di dalam siri kehidupan mereka. Imam al-Bukhari seorang ulama hadith yang terbilang, pada masa kini sebut sahaja nama Imam al-Bukhari pasti setiap pengkaji ilmu akan menyanjung tinggi ketinggian ilmu beliau. Namun disebalik itu, terselit tribulasi yang hebat terpaksa dilalui olehnya. Oleh yang demikian, para pendakwah masa kini yang berhadapan dengan pelbagai cabaran dan ujian hidup, ketahuilah cabaran dan ujian yang dilalui hanya kecil jika dibandingkan dengan para ulama salaf terdahulu. Maka jadikanlah kisah mereka sebagai pemangkin semangat untuk diri dalam mengharungi ombak kehidupan yang ada pasang surutnya.